

U.M. - 1 MAR 1977

**K**UALA LUMPUR 28 Feb. — Dr. Mahathir Mohamad memberi amaran bahawa UMNO tidak akan teragak-agak untuk bertindak tegas ke atas mana-mana wakil rakyatnya yang gagal mematuhi arahan parti supaya menyempurnakan tanggungjawab mereka terhadap para pengundi di kawasan masing-masing.

Ini terutamanya ditujukan kepada wakil-wakil rakyat yang tidak melawat dan tidak mengendahkan langsung terhadap para penduduk di kawasan pilihanrayanya sendiri kerana terlalu sibuk dengan perniagaan-perniagaan sendiri atau mencari kepentingan peribadi.

Beliau mengingatkan bahawa perbuatan demikian bukan sahaja boleh menjejaskan kepercayaan rakyat terhadap parti bahkan boleh mengancam kedudukan mereka sendiri dalam pilihanraya akan datang.

### *Kaji semula*

Timbalan Perdana Menteri memberitahu Utusan Malaysia di pejabatnya di sini bahawa pihaknya terpaksa mengkaji semula kedudukan setiap orang wakil rakyatnya dalam pilihanraya akan datang "jika mereka terus gagal mematuhi arahan parti mengenai perkara ini".

Dr. Mahathir yang juga Naib Presiden UMNO telah mengulas pengaduan-pengaduan dari orang ramai tentang adanya setengah wakil rakyat yang tidak langsung melawat kawasan pilihanraya masing-masing, kecuali bila ada urusan tertentu sahaja.

Utusan Malaysia difahamkan bahawa sebahagian besar daripada pengaduan-pengaduan tersebut telah dihantar ke Ibupejabat UMNO di sini dan ada juga setengah daripadanya di hantar terus kepada Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn selaku Pemangku Presiden parti.

Punca Ibupejabat UMNO di sini ketika dihubungi hari ini telah mengesahkan mengenai perkara ini dan berkata bahawa pihaknya mengambil perhatian berat terhadapnya.

Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri, Encik Mustapha Mohamad juga mengakui bahawa pihaknya juga ada menerima pengaduan berhubung perkara ini. Bagaimanapun, menurutnya, teguran-teguran telah pun dibuat supaya mereka yang berkenaan memperbaikinya.

Menurut pangaduan-pengaduan tersebut, wakil-wakil rakyat berkenaan dikatakan hanya menempatkan wakil-wakil mereka sahaja untuk menjaga kawasan dan menemui rakyat sedangkan wakil-wakil rakyat itu sendiri, sukar sekali ditemui oleh rakyat.

Ini bukan sahaja melibatkan ahli-ahli Parlimen bahkan juga anggota-anggota Dewan Undangan Negeri.

Dr. Mahathir berkata, jika benar Ibupejabat UMNO menerima pengaduan-pengaduan tersebut, tentu sekali Setiausaha Agung UMNO akan membawa perkara itu ke mesyuarat Majlis Tertinggi.

"Bagaimanapun saya sendiri sehingga ini masih belum menerima lagi sebarang pengaduan mengenainya," kata beliau.

Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Jawatankuasa Disiplin Parti bagaimanapun memberi jaminan bahawa jika benar kejadian ini berlaku, "kita akan siasat dan ambil tindakan."

"Kalau tindakan-tindakan itu nanti tidak berkesan juga, maka terpaksa kita sama-sama tenguk nanti apakah tindakan yang akan diambil dalam pilihanraya akan datang," ujar beliau.